

## Hibah - Keperluan Hibah dalam Perancangan Hartanah



### Hibah - Satu Solusi Selamat bagi Mengelakkan Kesulitan untuk Memindahkan Harta pada Masa Hadapan

Tiada alasan untuk meremehkan kepentingan Hibah kerana:

- Hartanah yang dimiliki seseorang Muslim dapat dipindahkan semasa hidup dan diterima dengan selamat oleh penerima yang dikehendaki - tanpa mengira agama
- Kepentingan Hibah semakin ditekankan apabila:
  - Terdapat sekatan-sekatan ke atas pemilikan hartanah (tertakluk kepada keadaan).
  - Seseorang yang tidak mempunyai waris 'asabah yang boleh menerima seluruh bahagian harta pusaka atau yang boleh menghabiskan baki harta pusaka.

Artikel berikut menghuraikan struktur mudah berkenaan pindahtamlik hartanah yang dilaksanakan semasa hidup pemberi hibah atau pemilik hartanah bertujuan untuk mengelakkan keadaan-keadaan yang tidak diinginkan pada masa hadapan.

### Hibah – Pindahtamlik harta semasa hidup atas dasar kasih sayang

#### Pengenalan

Hibah adalah kontrak kasih sayang yang terdiri daripada lafaz tawaran dan penerimaan (ijab dan qabul) di antara penghibah (wahib) dan penerima hibah (mawhub lahu) di mana penghibah, melalui lafaz lisan dan perbuatan, secara sukarela memindahkan pemilikan (qabd) dan pegangan harta (harta hibah) kepada penerima hibah tanpa apa-apa balasan dan transaksi ini berkuatkuasa semasa hidup penghibah.

Oleh yang demikian, memandangkan hibah

berkuatkuasa semasa hidup penghibah, maka kebanyakan penulisan-penulisan berkenaan Hibah bersetuju bahawa Hibah adalah kaedah alternatif yang efektif bagi pengurusan harta Muslim di mana ia mempercepatkan pembahagian harta kepada penerima.

Hibah adalah salah satu kaedah yang dipercayai dapat mengelakkan apa-apa pertelingkahan yang mungkin boleh berlaku antara waris-waris atau salah tafsiran niat penghibah oleh waris-waris selepas kematiannya kerana selagi mana penghibah masih hidup, penghibah mempunyai kebebasan untuk menentukan bagaimana pembahagian harta pusakanya kelak dan tidak tertakluk kepada sistem faraidh.

## HIBAH- Bagaimana ia dilaksanakan?

**Kajian Kes – Membuat hibah untuk melindungi kepentingan isteri apabila suami meninggal dunia:**

Senario: Si suami adalah seorang muallaf Muslim yang telah meninggal dunia tanpa berwasiat meninggalkan seorang waris iaitu isterinya. Mereka tidak mempunyai anak. Harta pusaka yang ditinggalkan si suami hanyalah sebuah rumah yang didiami si isteri. Mengikut pembahagian secara faraidh, isteri berhak kepada 1/4 bahagian rumah tersebut sahaja dan memandangkan si suami tidak mempunyai waris lain yang boleh menghabiskan baki bahagian rumah tersebut, maka baki bahagian sebanyak 3/4 adalah terhak kepada Baitulmal. Walaubagaimanapun, dalam kes ini, rumah tersebut telah dihibahkan kepada isteri, maka rumah tersebut bukan lagi menjadi harta pusaka si suami dan isteri memperoleh keseluruhan bahagian rumah tersebut.

Di sini, kita dapat menghargai kepentingan Hibah – di mana, sekiranya tiada Hibah, maka si isteri berkemungkinan hilang sebahagian besar rumah tersebut dan perlu menebus bahagian Baitulmal terhadap rumah tersebut jika si isteri hendak memperoleh keseluruhan bahagian rumah tersebut.



**Hibah lebih penting secara praktikalnya kepada pemberi hibah yang mempunyai ahli keluarga yang ramai.**



**Penerima hibah: Sesiapa sahaja yang mempunyai keupayaan undang-undang...atau, sekiranya penerima hibah tidak mempunyai keupayaan undang-undang seperti kanak-kanak dibawah umur, penjaga yang sah perlu dilantik.**

### Rukun Hibah

#### (1) Penghibah (Wahib)

Penghibah hendaklah seorang Muslim, lelaki atau perempuan dan mempunyai pemilikan dan kawalan penuh ke atas harta Hibah di mana, penghibah boleh memindahmilik dengan sukarela harta Hibah kepada penerima Hibah.

#### (2) Penerima Hibah (Mawhub Lahu)

Penerima Hibah boleh terdiri daripada mana-mana orang yang mempunyai keupayaan undang-undang sebagai seorang dewasa atau, sekiranya penerima Hibah tidak mempunyai keupayaan undang-undang, seperti kanak-kanak bawah umur atau orang tak sempurna akal, penjaga yang sah hendaklah dilantik bagi pihak mereka.

#### (3) Harta Hibah (Mawhub)

Harta Hibah mestilah dimiliki sepenuhnya oleh penghibah, boleh diniagakan secara sah dan boleh dirasa menurut perspektif shariah serta wujud semasa aqad Hibah.

#### (4) Sighah (Aqad Hibah)

Lafaz tawaran dan penerimaan (ijab dan qabul) Hibah hendaklah jelas dan spesifik. Lafaz boleh dalam bentuk lisan, bertulis atau tindakan pihak-pihak, mengikut keadaan pihak-pihak.

#### (5) Pemilikan (Qabd)

Pemilikan harta Hibah oleh penerima hibah hendaklah secara fizikal atau secara konstruktif, di mana penerima hibah dianggap mempunyai pemilikan dan kawalan secara tak langsung (indirect) ke atas harta Hibah.

## Hibah - Bagaimana ia dilaksanakan?

Dalam kes **Siti Khatijah Ismail lwn Zainab @ Esah Hamid & Yang Lain [2017] 3 LNS 8**, Mahkamah Rayuan Syariah menolak rayuan perayu dan mendapati bahawa Hibah yang dibuat oleh Si Mati adalah tidak sah. Mahkamah menyatakan bahawa walaupun perayu memiliki geran tanah harta Hibah, ia tidak mencukupi untuk membuktikan bahawa syarat qabd tersebut telah dipenuhi. Perayu gagal membuktikan bahawa perayu ada membuat sebarang usaha untuk menguruskan tanah tersebut. Mahkamah selanjutnya menyatakan bahawa perayu hendaklah membuktikan yang si mati telah mengeneipkan hak si mati ke atas tanah tersebut dan telah memberikan kebenaran kepada perayu untuk melakukan transaksi ke atas tanah tersebut.

### Perbandingan antara Hibah dan Wasiat

(1) Hibah boleh diberikan oleh penghibah kepada mana-mana orang, iaitu, samaada waris-warisan penghibah atau bukan waris penghibah.

Bahkan, penerima hibah juga tidak terhad kepada Muslim sahaja di mana ia boleh diberikan kepada bukan Muslim. Berbeza dengan wasiat yang mana harta hanya boleh diwasiatkan kepada bukan waris sahaja.

(2) Peruntukan harta Hibah yang boleh diberikan kepada penerima Hibah tidak mempunyai had, manakala, wasiat hanya membenarkan harta diwasiatkan kepada bukan waris tidak melebihi 1/3 daripada nilai bersih harta pusaka pewasiat.

(3) Proses pelaksanaan Hibah lebih mudah dan cepat apabila nama penerima Hibah telah didaftarkan ke atas harta Hibah semasa hidup penghibah, adapun, wasiat memerlukan waris melalui proses pewarisan yang panjang samaada melalui prosiding pusaka di Mahkamah Tinggi atau Pejabat Pusaka Kecil atau Amanah Raya Berhad kerana wasiat hanya dapat dilaksanakan selepas kematian pewasiat, al-musi.

**Pemberian harta Hibah kepada penerima hibah tidak mempunyai had....Sebaliknya, untuk wasiat, jumlah harta yang boleh diwasiatkan kepada bukan waris tidak boleh melebihi 1/3 daripada nilai bersih harta pusaka.....**

Seterusnya, memandangkan Hibah dibuat semasa hidup penghibah, maka persetujuan waris-warisan tidak diperlukan bagi pelaksanaan Hibah dan ciri Hibah ini adalah lebih praktikal kepada penghibah yang mempunyai waris-warisan yang ramai. Manakala, wasiat yang dibuat melebihi 1/3 harta pusaka memerlukan persetujuan kesemua waris-warisan sebelum dilaksanakan.

Dalam kes **Muhammad Awang & Yang Lain lwn. Awang Deraman & Yang Lain [2001] 1 MSLR 1**, Mahkamah menolak rayuan perayu untuk membatalkan Hibah yang dibuat oleh si mati bapa kepada responden-responden. Mahkamah menyatakan bahawa Hibah yang diberikan oleh si mati bapa semasa hidupnya kepada sebahagian anak-anaknya adalah sah walaupun tanpa persetujuan anak-anak yang lain kerana Hibah boleh diberikan kepada sesiapa selagi mana penerima Hibah mempunyai kapasiti undang-undang untuk menerima Hibah.

(4) Penghibah boleh memberikan peruntukan bahagian hibah dengan mempertimbangkan keperluan kewangan penerima Hibah. Kelebihan fleksibiliti Hibah ini dapat melindungi kepentingan penerima Hibah terutamanya bagi penerima Hibah di bawah umur.

(5) Keesahan Hibah yang dibuat antara suami dan

## Hibah - Melindungi pembahagian harta

isteri semasa dalam tempoh perkahwinan mereka tidak terkesan dengan penceraian mereka dan ini bagi melindungi kebajikan dan kepentingan mana-mana pihak yang menerima Hibah.

Dalam kes **Salmiah Che Hat Iwn Zakaria Hashim [1999] 1 MSLR 53**, Mahkamah menjelaskan sebagai panduan dalam keadaan bagaimana Hibah boleh ditarik balik. Secara umumnya, Hibah tidak boleh ditarik balik kecuali Hibah yang dibuat oleh bapa kepada anak dengan syarat harta Hibah tersebut masih dalam pemilikan anaknya dan ini berdasarkan hadis yang berikut:

“Tidak halal bagi seorang lelaki yang telah memberi satu pemberian atau telah menghibah satu hibah maka dia menarik balik apa yang diberi/dihibah, kecuali penarikan balik oleh bapa terhadap pemberian yang diberi kepada anaknya.” (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi)



... Pembahagian harta Hibah dilaksanakan dan diuruskan semasa hidup pemberi hibah, supaya segala percanggahan atau ketidakpastian dapat diselesaikan

**Perbezaan yang jelas antara faraidh dan hibah ialah:**

**Pembahagian harta pusaka secara faraidh dilaksanakan selepas kematian seseorang, manakalah Hibah dilaksanakan semasa hidup pemberi hibah.**

(6) Hibah yang sah tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak selepas kematian penghibah.

**Hibah bukan alasan untuk mengelakkan faraidh**

Faraidh ialah pembahagian harta pusaka kepada waris-waris si mati di mana bahagian waris-waris telah ditentukan dalam Al-Quran. Perbezaan yang jelas antara faraidh dan Hibah ialah faraidh dilaksanakan selepas kematian si mati, manakala, Hibah dibuat semasa hidup penghibah.

Allah s.w.t. telah memerintahkan Muslim untuk membahagikan

harta pusaka melalui pembahagian faraidh bertujuan untuk mengelakkan pertelingkahan dan perebutan dalam kalangan waris-waris. Walaubagaimanapun, sekiranya terdapat persepakatan antara

waris-waris berkenaan pembahagian harta pusaka, maka persepakatan tersebut diutamakan daripada faraidh.

Tambahan lagi, harta Hibah terkeluar daripada harta pusaka penghibah. Oleh itu, apabila kematian penghibah, baki harta pusaka penghibah, sekiranya ada, akan dibahagikan kepada waris-waris mengikut faraidh.

Maka, jelaslah di sini, Hibah bukan alasan dan kaedah untuk mengelakkan faraidh kerana Hibah dan faraidh mempunyai tujuan yang berbeza dan ia melengkapi satu sama lain.

### Penutup

Hibah adalah sistem pengurusan harta yang efisien dan Hibah yang sah dapat melindungi pemberian harta kepada penerima Hibah daripada dipertikaikan. Secara pokoknya, Hibah dapat membantu memudahkan dan mempercepatkan pembahagian harta kepada waris-waris dan penerima yang ditentukan dan dengan demikian, dapat meminimalkan jumlah harta pusaka yang tidak dituntut kerana penghibah telah menguruskan pembahagian hartanya semasa hidupnya.

Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi:  
 Zainursyazwani Zakaria [zainur@arsa.com.my](mailto:zainur@arsa.com.my)

# arsa

## DISCLAIMER

*The contents of this Newsletter, ACUITAS, contain general information only, which do not constitute legal advice nor should be taken as advice on any matter. As such, Messrs. Abdul Raman Saad & Associates expressly disclaims all liability in respect of the consequences of anything done or omitted to be done to any person or by a person in reliance upon the contents of ACUITAS. The reader should consult a suitably qualified solicitor on any specific legal matter. As the Legal Profession Act (Publicity) Rules 2001 restrict the circulation of publication by Advocates and Solicitors, kindly do not circulate this Newsletter to parties other than persons within your organization.*

## CONTACT US

Abdul Raman Saad & Associates

[www.arsa.com.my](http://www.arsa.com.my)

### Head Office

**KUALA LUMPUR**  
C-2-1, Pacific Place Commercial Centre  
Jalan PJU 1A/4, Ara Damansara  
47301 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +603-7859-9229  
Fax: +603-7734-5777  
Email: [arsakl@arsa.com.my](mailto:arsakl@arsa.com.my)

### Branch Offices

**JOHOR BAHRU**  
No. 3, Jalan Permas 10/3  
Bandar Baru Permas Jaya  
81750 Masai, Johor  
Malaysia  
Tel: +607-388-6363  
Fax: +607-388-2020 / 386-3030  
Email: [arsajb@arsa.com.my](mailto:arsajb@arsa.com.my)

**MELAKA**  
240A & B, Jalan Melaka Raya 1  
Taman Melaka Raya  
75000 Melaka, Malaysia  
Tel: +606-282-1446 / 283-3793  
Fax: +606-284-7868  
Email: [arsamk@arsa.com.my](mailto:arsamk@arsa.com.my)